

**TERMA DAN SYARAT**  
**PERADUAN TERBANG TINGGI CHALLENGE**

1. Peraduan Terbang Tinggi *Challenge* bertujuan untuk memperkasakan budaya menyimpan dalam kalangan rakyat Malaysia, terutamanya golongan muda. Justeru, PTPTN memperkenalkan satu cabaran TikTok bertemakan lagu rasmi Simpan SSPN iaitu "Terbang Tinggi".
2. Lagu ini bukan sekadar alunan muzik, tetapi simbol harapan dan impian yang ingin digapai melalui tabungan pendidikan. Maka, cabaran ini diwujudkan bagi menggalakkan penyertaan orang ramai secara kreatif sambil mempromosikan manfaat Simpan SSPN dengan cara yang lebih dekat dengan generasi digital.
3. Peraduan ini juga diadakan khas bersempena dengan Bulan Menabung Simpan SSPN 2025.

**TEMPOH PERADUAN**

4. Tempoh peraduan bermula **15 September 2025 sehingga 31 Oktober 2025**;
5. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh Peraduan ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender.

**KELAYAKAN**

6. Terdiri daripada warganegara Malaysia.
7. Peraduan ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).

**CARA PENYERTAAN**

8. Peserta hendaklah menghasilkan video yang kreatif dalam bentuk lakonan, nyanyian, transisi, sketsa lawak atau apa saja yang menggambarkan impian tinggi dan semangat penabungan di Simpan SSPN.
9. Durasi video mestilah tidak melebihi 3 minit.
10. Peserta hendaklah menggunakan lagu "Terbang Tinggi" yang telah dimuat naik di TikTok rasmi PTPTN @PTPTNOfficial.
11. Peserta perlu muat naik video ke akaun TikTok berserta hashtag #TerbangTinggiChallenge, #BMS2025 dan #SimpanSSPN serta perlu memastikan profil akaun media sosial ditetapkan kepada mod *Public*.

12. Peserta perlu tag akaun rasmi media sosial PTPTN, @PTPTNOfficial.
13. Video perlu dimuat naik **sebelum atau selewat-lewatnya 31 Oktober 2025, jam 11:59 malam.**
14. Peserta perlu mengisi borang penyertaan melalui Google Form di pautan: <https://bit.ly/TerbangTinggiChallenge> **selewat-lewatnya 31 Oktober 2025, jam 11:59 malam.**

### **PERATURAN KANDUNGAN, LAGU IRINGAN, PAKAIAN DAN LAIN-LAIN**

15. Kandungan video mestilah bersesuaian untuk tontonan semua lapisan umur dan masyarakat.
16. Pakaian peserta hendaklah bersesuaian, kemas, sopan dan tidak dibenarkan memakai pakaian yang mencolok mata.
17. Sekiranya terdapat *props*, poster atau bahan visual yang berkaitan PTPTN digunakan dalam kandungan video, hendaklah menampilkan logo rasmi Simpan SSPN atau PTPTN yang terkini. Penggunaan logo versi lama atau tidak rasmi **tidak dibenarkan**.
18. Peralatan yang digunakan dalam kandungan video dan aksi yang mendatangkan risiko keselamatan adalah tidak dibenarkan.
19. Kandungan, pilihan lagu atau sebarang audio dan peralatan yang digunakan dalam video **TIDAK BOLEH** mengandungi sebarang elemen/ unsur-unsur negatif, menyentuh sensitiviti keagamaan, perkauman dan politik serta melibatkan mana-mana agensi lain.
20. Peserta dibenarkan untuk muat naik lebih daripada satu (1) video, tetapi hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja.

### **PEMILIHAN PEMENANG**

21. Pemenang akan dipilih berdasarkan kombinasi kriteria berikut:
  - i. Kualiti video dan audio yang jelas serta penyampaian visual yang menarik;
  - ii. Tahap kreativiti idea dan keaslian kisah yang ditampilkan;
  - iii. Keupayaan menyampaikan mesej yang memberi inspirasi serta menerapkan nilai-nilai murni;
  - iv. Kekemasan dari aspek suntingan dan naratif; dan
  - v. Tahap keterlibatan (*engagement*) video di media sosial seperti jumlah tontonan, komen, perkongsian dan reaksi – sebagai nilai tambah kepada penilaian.
22. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah **muktamad**. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

## **HADIAH PERADUAN DAN TUNTUTAN HADIAH**

23. Pemenang peraduan akan memenangi hadiah berikut:

PEMENANG	HADIAH TUNAI (RM)	BILANGAN PEMENANG
Pertama	3,500.00	1
Kedua	2,000.00	1
Ketiga	1,000.00	1
Saguhati	500.00	27

24. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel/ media sosial rasmi PTPTN, @PTPTNOfficial atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.
25. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime pemenang yang dibuka untuk diri sendiri dalam tempoh **DUA (2) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di Simpan SSPN Plus. Jika pemenang tidak mempunyai akaun, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara *pre-opening*.
26. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
27. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam peraduan ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
28. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.
29. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.
30. Hadiah perlu dituntut oleh pemenang dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang. Pihak PTPTN tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tamat tempoh tersebut.
31. Sekiranya pemenang meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang.
32. Pemenang atas warisnya dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan.
33. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat-menyerat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

## **PERUNTUKAN UMUM**

34. Untuk mengambil bahagian dalam peraduan ini, pendeposit mestilah termasuk di dalam kriteria kelayakan dan memenuhi mekanisme peraduan. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak PTPTN, pendeposit tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian dalam peraduan ini.
35. Penyertaan pendeposit di dalam peraduan ini adalah atas risiko pendeposit sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
36. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam peraduan ini sama ada secara keseluruhan dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN/ media massa/ paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa- apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan peraduan ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana pendeposit untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
37. Pendeposit adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang PTPTN dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat serta mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat ini.
38. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
39. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati pendeposit tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
40. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung peraduan ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
41. Sekiranya terdapat percanggahan terma dan syarat peraduan ini di dalam bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan peraduan ini, maka terma dan syarat di dalam laman web rasmi PTPTN adalah yang muktamad. Sebarang perkara mengenai peraduan yang tidak dinyatakan dalam terma dan syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak PTPTN.
42. PTPTN boleh menggunakan penyertaan pendeposit termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan

*Peraduan Terbang Tinggi Challenge*

promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama pendeposit, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barang atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Pendeposit hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.

43. Segala surat-menyerat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN dianggap telah diserahkan kepada pendeposit.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh Peraduan Terbang Tinggi Challenge*

***Maklumat dikemaskini pada 19 Ogos 2025***